

**KEPUTUSAN JAWATANKUASA PERUNDING HUKUM SYARA' (FATWA)  
NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN MENGENAI HUKUM PERNIKAHAN  
MENGUNAKAN WALI TAHKIM DAN YANG BERKAITAN DENGANNYA**

**1. TAJUK PERSOALAN**

Jawatankuasa perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta untuk membincangkan masalah pernikahan yang menggunakan wali tahkim dan yang berkaitan dengannya.

Mesyuarat ini dibuat adalah kerana atas permintaan SS Pengarah JAIS bagi membincangkan masalah semasa yang mungkin boleh dijadikan panduan pada bila-bila masa apabila berlaku kes yang sama seperti yang dihadapi oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor. Oleh kerana masalah ini banyak berkait dengan permasalahan yang dihadapi oleh Y.A.B. Menteri Besar, maka perbincangan masalah nikah menggunakan wali tahkim ini banyak tertumpu kepada pernikahan Y.A.B. Menteri Besar Selangor.

Maka Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (Fatwa) telah diminta memberikan Fatwanya mengenai perkara tersebut.

**2. PERBINCANGAN DAN KEPUTUSAN**

2.1. Sebelum keputusan dan perbincangan dibuat, ahli mesyuarat telah meminta kepada SS Pengarah supaya menghadap kepada YAB Menteri Besar bagi mendapatkan maklumat, antaranya :

1. Surat cerai Y.A.M Tengku Zahariah binti Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, dengan bekas suaminya yang lepas.
2. Di mana tempat bernikah yang sebenar.
3. Siapa pengiringnya.

Sesungguhnya jawapan yang sebenar oleh Y.A.B. Menteri Besar Selangor amatlah perlu bagi jawatankuasa ini menentukan hukum samada pernikahan dengan Yang Amat Mulia Tengku Zahariah itu sah atau tiada di sisi Syara'.

2.2. SS Pengarah JAIS telah memaklumkan kepada mesyuarat mengenai penyiasatan seperti yang dikehendaki dalam mesyuarat khas yang lalu, antaranya :

1. Bahawa sebelum mesyuarat khas 2. 10. 1989 diadakan SS Pengarah JAIS telah pergi ke Takbai, Thailand pada 1.10.1989 tempat Y.A.B. Menteri Besar Selangor, bernikah, SS pengarah JAIS telah berjumpa dengan Imam yang mengakadnikahkan tersebut iaitu Imam Ismail bin Haji Yusuf, mempunyai tauliah wali am yang sama tarafnya dengan wali hakim. Imam tersebut telah mengakui bahawa telah mengakadnikahkan Y.A.B. Menteri Besar dengan Tengku Zahariah pada 17.7.1987.

Semasa pernikahan itu dilakukan Y.A.B. Menteri Besar dan Tengku Zahariah ada hadir dan pernikahan tersebut disaksikan oleh dua orang saksi dan mempunyai sijil nikah yang dikeluarkan oleh Imam tersebut.

2. Mengenai surat cerai Tengku Zahariah dengan bekas suaminya yang ketiga, SS Pengarah bersama SF kadi Besar serta Pen.Pengarah Penyelidikan telah ke rumah Tengku Zahariah dan sijil cerai tersebut telah diperolehi sepertimana yang diedarkan kepada ahli mesyuarat.
3. SF Kadi Besar Kelantan telah memberitahu bahawa beliau tiada bukti yang menunjukkan Y.A.B.Menteri Besar Selangor dengan Tengku Zahariah bernikah di Kelantan sebaliknya telah bernikah di Takbai, Thailand kerana beliau dan pegawainya telah menyiasat sampai ke tempat tersebut serta mendapatkan perakuan bertulis dari Imam Haji Ismail bin Haji Yusuf iaitu Imam yang bertanggungjawab mengenai pernikahan tersebut.
4. Tiada terdapat orang politik dan orang kenamaan negeri ini yang terlibat dengan pernikahan tersebut.

- 2.3. Jawatankuasa perundangan Hukum Syara' (Fatwa) telah membincangkan perkara di atas dengan penuh teliti serta mengikut hukum yang muktabar dan membuat keputusan seperti berikut :

**"Berdasarkan keterangan di atas, ahli mesyuarat memutuskan bahawa pernikahan Y.A.B. Tan Sri Dato' Haji Muhammad bin Haji Muhd Taib dengan Y.A.M. Tengku Zahariah binti Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah pada 17 Julai 1987 di Takbai, Thailand adalah sah di sisi syara', kerana pernikahan tersebut :**

- 1. Dihadiri oleh pengantin lelaki dan perempuan.**
- 2. Imam yang mengadnikahkan nikah mempunyai kuasa.**
- 3. Disaksikan oleh dua orang saksi.**
- 4. Mengikut syarat-syarat dan rukun nikah.**

Keputusan Fatwa ini telah dibuat dengan sebulat suara ahli yang hadir pada 9 Disember 1989.